



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KERJASAMA EMPAT PIHAK MENGUBAH SISA PERTANIAN MENJADI SERABUT NANO (*NANOFIBER*) LESTARI

PUTRAJAYA, 1 OGOS 2025 – NMB (NanoMalaysia Berhad), sebuah entiti di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), bersama-sama SEED Tech Sdn Bhd (STSB), XMU Jiageng *Education Development* Sdn Bhd (XMU), dan Henan Yujian *Building Renovation Technology* Co. Ltd. (YJ), telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang akan mengkaji penggunaan sisa pertanian dalam menghasilkan serabut nano (*nanofiber*) selulosa melalui aplikasi kejuruteraan termaju bagi industri dan pengguna akhir.

Usahasama empat pihak ini menandakan langkah penting dalam menggalakkan penggunaan bahan inovasi yang lestari dan pengkomersialan teknologi yang sejajar dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN), Kerangka 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE), Pelan Hala Tuju Teknologi Bahan Termaju Negara serta mendukung Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) bagi pelaksanaan dan penerimaan secara menyeluruh.

MoU ini menggariskan iltizam bersama untuk mengubah sisa pertanian menjadi serabut nano selulosa bernilai tinggi, dengan tumpuan peningkatan skala daripada makmal kepada pasaran untuk kegunaan dalam sektor pembinaan, automotif dan sektor-sektor kejuruteraan yang lain. Projek ini bertujuan untuk memanfaatkan kekuatan keempat-empat rakan kerjasama, termasuk keupayaan R&D dan kepakaran industri, bagi memacu hasil berimpak tinggi untuk Malaysia dan rantau ini.

Majlis telah disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Chang Lih Kang. Turut hadir adalah Ketua Pegawai Operasi NMB, Mohamad Hafiz Zolkipli, Pengarah STSB, Zhang Liang, Naib Presiden Universiti Xiamen Malaysia, Profesor Zhang Ying, dan Pengurus Besar YJ, Sun Lili.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Chang Lih Kang berkata: "Memorandum Persefahaman (MoU) ini mencerminkan komitmen bersama terhadap inovasi mampan dan kerjasama rentas sempadan dalam teknologi berimpak tinggi. Ia juga membuka jalan untuk memudahkan pengskalaan dari makmal ke pasaran dan usahasama yang lebih luas dalam pembangunan teknologi, pelesenan harta intelek, pertukaran pengetahuan dan penembusan pasaran di Malaysia, China dan rantau Asia Pasifik."

Ketua Pegawai Operasi NMB, Mohamad Hafiz, berkata: "Kerjasama ini mencerminkan satu aspirasi bersama untuk membangunkan penyelesaian biojisim sumber tempatan yang dapat memenuhi matlamat alam sekitar dan ekonomi. Projek ini menunjukkan bagaimana inovasi boleh memperkasakan ekonomi kitaran Malaysia melalui penggunaan teknologi nano dalam produk sampingan pertanian bagi penghasilan bahan bernilai tinggi."

Naib Presiden Universiti Xiamen Malaysia, Prof Zhang Ying, turut menekankan: "Kami komited untuk memajukan inovasi yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Serabut nano selulosa mewakili pencapaian tepat yang sejajar dengan visi ini: ringan, boleh terurai secara semula jadi dan serba boleh merentasi pelbagai industri. Dengan merapatkan jurang di antara penyelidikan dan aplikasi mampan dunia sebenar, kami boleh menerajui pembangunan teknologi lestari serta memastikan kemajuan saintifik ini memberi impak yang bermakna bersama-sama. Ia bukan sahaja membentuk masa depan sains bahan, tetapi juga memperkukuhkan tanggungjawab bersama terhadap bumi ini".

STSB, yang menumpu pada penafsiran kajian nanoteknologi untuk aplikasi dunia sebenar merentas pelbagai sektor, menawarkan kelebihan pengkomersialan yang kukuh dalam usahasama ini. XMU, yang mengurus Universiti Xiamen Malaysia pula menyumbang kepada kekuatan akademik dan R&D, manakala YJ menambahkan kepakaran dalam inovasi pembinaan dan penyelesaian infrastruktur.

Usahasama ini bertujuan untuk memacu pembangunan teknologi bersama dan pelesenan IP merentas Malaysia, China, dan Asia Pasifik, sambil menggalakkan pertukaran pengetahuan, membentuk industri strategik dan pakatan penyelidikan, serta menjamin pembiayaan untuk memajukan pembangunan dan pengkomersialan teknologi inovatif. MoU ini menetapkan asas yang kukuh bagi kerjasama masa depan dan mempercepatkan inovasi dalam nanoteknologi dan memperkukuhkan hubungan industri merentas sempadan.

MoU ini mencerminkan nilai kemampanan yang menjadi teras utama dalam konsep Malaysia MADANI. Dengan memanfaatkan sisa pertanian secara inovatif untuk menghasilkan serabut nano selulosa, ia menyokong usaha ke arah pembangunan lestari yang menjaga keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Pendekatan ini menekankan kepentingan pemeliharaan sumber semula jadi demi kesejahteraan generasi akan datang, sambil mengukuhkan usaha negara ke arah pembentukan masyarakat yang inklusif dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
1 OGOS 2025**

MENGENAI NANOMALAYSIA BERHAD

NanoMalaysia Berhad ditubuhkan pada 2011 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk bertindak sebagai entiti perniagaan yang diamanahkan dengan pengkomersialan nanoteknologi dan aktiviti pengindustrian melalui model Pembina Teroka NanoMalaysia. NanoMalaysia kini ialah agensi peneraju untuk teknologi kenderaan elektrik (EV) dan pembangunan teknologi hidrogen di bawah MOSTI.

MENGENAI SEED TECH SDN. BHD.

Seed Tech Sdn. Bhd. menumpu pada pengubahan kajian nanoteknologi menjadi penyelesaian praktikal dan berimpak tinggi dengan memajukan dan pengkomersialan produk maju yang menangani keperluan kritikal merentas industri seperti pertanian, penjagaan kesihatan, automotif, tenaga elektrik, dan sains bahan.

MENGENAI XMU JIAGENG EDUCATION DEVELOPMENT SDN BHD

XMU Jiageng Education Development Sdn Bhd ditubuhkan untuk menguruskan Xiamen University Malaysia, sebuah institusi pembelajaran tinggi swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

MENGENAI HENAN YUJIAN BUILDING RENOVATION TECHNOLOGY CO LTD

Henan Yujian Building Renovation Technology Co Ltd adalah sebuah syarikat yang memberi tumpuan kepada penyelesaian pembinaan berkualiti tinggi untuk masyarakat moden, meliputi reka bentuk, perancangan, perlaksanaan, dan penyenggaraan infrastruktur dan projek-projek.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi corporateaffairs@nanomalaysia.com.my

